



KASTAM DIRAJA MALAYSIA

CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN

**PANDUAN PELEPASAN BUTIRAN 7,
JADUAL PERTAMA, PERINTAH CBP
(PELEPASAN) 2014**

Penerbitan

Tarikh diterbitkan : 10 Julai 2016

Notis Hak Cipta

Hak cipta 2015 Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

Hak cipta terpelihara. Tertakluk kepada Akta Hak Cipta, 1987 (Malaysia).

Panduan ini boleh ditarik balik, sama ada keseluruhannya atau sebahagian daripadanya dengan terbitnya suatu panduan baru.

Tiada bahagian daripada penerbitan ini dibenarkan untuk diterbitkan semula, disimpan di dalam sistem perolehan kembali atau dipanjangkan dalam apa jua bentuk termasuk di dalam laman web untuk tujuan komersial tanpa kebenaran bertulis daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Dalam penghasilan semula atau pemetikan kandungan, perakuan sumber diperlukan.

Penolakan Tuntutan


Maklumat ini bertujuan memberi kefahaman umum tentang layanan berkenaan Cukai Barang dan Perkhidmatan dan memberi pemahaman yang lebih baik tentang kewajipan pembayar cukai. Ia bukannya bertujuan untuk mengemukakan pelbagai permasalahan percukaian yang mungkin timbul. Walaupun JKDM telah mengambil semua inisiatif bagi memastikan maklumat yang terkandung dalam Panduan ini adalah tepat, JKDM tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kesilapan dan ketidaktepatan atau sebarang kerugian kewangan atau lain-lain yang ditanggung oleh individu yang menggunakan maklumat daripada Panduan ini. Kesemua maklumat adalah terkini pada masa penyediaan dan tertakluk kepada perubahan apabila perlu.

KANDUNGAN

PENDAHULUAN	1
TUJUAN.....	2
PROSEDUR PELAKSANAAN	3
Syarat-Syarat Pelepasan.....	3
Barang Yang Diluluskan	4
Tindakan Entiti Kebajikan Swasta Untuk OKU	4
Tindakan Pembekal	5
Tindakan Jabatan Kebajikan Masyarakat.....	6
KESIMPULAN	7
LAMPIRAN A.....	8
LAMPIRAN B.....	9
LAMPIRAN B1.....	10
LAMPIRAN C.....	11
LAMPIRAN D.....	12
LAMPIRAN D1.....	13

PENDAHULUAN

1. Peranan kebajikan bukan sahaja dijalankan oleh Kerajaan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) iaitu sebagai entiti kebajikan awam tetapi juga oleh entiti kebajikan swasta. Perundangan bertulis di Malaysia memerlukan sesuatu penubuhan entiti kebajikan berdaftar di bawah Akta Pertubuhan 1966 [Akta 335].
2. Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri diberi pelepasan daripada membayar CBP di bawah Butiran 3, Jadual Pertama, Perintah Cukai Barang Dan Perkhidmatan (Pelepasan) 2014 ke atas perolehan semua barang kecuali petroleum dan kenderaan yang diimport tertakluk kepada syarat-syarat di ruangan (4) Perintah tersebut. Dengan itu, pembekalan barang kepada JKMs (selaku pengawalselia aktiviti kebajikan) dilepaskan daripada dikenakan CBP.
3. Tiada pelepasan di bawah Perintah CBP (Pelepasan) 2014 diberikan kepada mana-mana entiti kebajikan swasta kecuali:
 - a) Entiti kebajikan swasta untuk OKU yang diberi pelepasan daripada membayar CBP ke atas barang-barang tertentu di bawah Butiran 7, Jadual Pertama, Perintah CBP (Pelepasan) 2014; dan
 - b) Entiti kebajikan swasta yang berdaftar di bawah Akta Pusat Jagaan 1993 yang diberi pelepasan daripada membayar CBP ke atas semua barang yang diluluskan kecuali kenderaan bermotor dan petroleum di bawah Butiran 8, Jadual Pertama, Perintah CBP (Pelepasan) 2014.
4. Kebanyakan entiti kebajikan swasta hanya menjalankan aktiviti kebajikan yang tidak bermotifkan keuntungan. Dalam menjalankan tanggungjawab sosial ini, tiada bayaran dikenakan ke atas pembekalan barang atau perkhidmatan yang dibekalkan atau hanya mengenakan bayaran nominal sahaja. Kebanyakan sumber kewangan dan perolehan diperolehi daripada sumbangan/tajaan/derma daripada pihak kerajaan/swasta/orang awam.



5. Entiti kebajikan swasta untuk OKU diberi pelepasan daripada membayar CBP ke atas perolehan barang-barang tertentu tertakluk kepada syarat-syarat di bawah Butiran 7, Jadual Pertama, Perintah CBP (Pelepasan) 2014. Barang-barang yang dilepaskan di bawah Butiran ini tidak boleh dijual untuk mendapatkan keuntungan oleh entiti kebajikan swasta untuk OKU.

6. Mana-mana OKU adalah layak menikmati kemudahan di bawah Butiran 7, Jadual Pertama, Perintah CBP (Pelepasan) 2014 dengan menjadi ahli entiti kebajikan swasta untuk OKU dan berdaftar di bawah Akta Orang Kurang Upaya 2008 [Akta 685]. Sekiranya OKU ingin mendapat pelepasan dari membayar CBP ke atas pembelian barang untuk OKU, perolehan hanya boleh dibuat melalui entiti kebajikan swasta untuk OKU dibawah Butiran 7, Jadual Pertama, Perintah CBP (Pelepasan) 2014.

TUJUAN

7. Panduan ini disediakan untuk membantu:

- a) Entiti kebajikan swasta untuk OKU mendapat pelepasan daripada membayar CBP dibawah Butiran 7, Jadual Pertama, Perintah CBP (Pelepasan) 2014; dan

- b) Pembekal tidak mengenakan dan memungut CBP ke atas pembekalan barang kepada entiti kebajikan swasta untuk OKU dibawah Butiran 7, Jadual Pertama, Perintah CBP (Pelepasan) 2014.

PROSEDUR PELAKSANAAN

Syarat-Syarat Pelepasan

8. Entiti kebajikan swasta untuk OKU dilepaskan daripada membayar CBP di bawah Butiran 7, Jadual Pertama, Perintah CBP (Pelepasan) 2014 tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- a) Entiti Kebajikan Swasta yang berdaftar di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat;
- b) barang-barang itu adalah direka, diubahsuai atau dikilang khas untuk dan bagi kegunaan eksklusif orang kurang upaya;
- c) barang-barang diimport atau dibeli daripada orang berdaftar, atau dibeli di bawah Skim Penggudangan; dan
- d) barang-barang diberi secara percuma atau dijual pada nilai nominal kepada ahli-ahli entiti kebajikan swasta yang berkenaan dan ahli-ahli yang berdaftar di bawah Akta Orang Kurang Upaya 2008 [Akta 685].

9. Kos pembekalan yang dibuat oleh entiti kebajikan swasta untuk OKU hendaklah tidak melibatkan sebarang unsur keuntungan dimana harga jualan adalah sama dengan harga belian atau kurang ataupun barangan tersebut dijual pada kadar nominal kepada ahlinya.

10. Pelupusan, pemberian secara percuma atau penjualan barang-barang yang dilepaskan dibawah Butiran 7, Jadual Pertama, Perintah CBP (Pelepasan) 2014 kepada mana-mana orang yang tidak berdaftar di bawah Akta Orang Kurang Upaya 2008 dan bukan merupakan ahli entiti kebajikan swasta untuk OKU adalah tertakluk kepada CBP dan entiti kebajikan swasta bertanggungjawab untuk mengakaun CBP ke atasnya.

Barang Yang Diluluskan

11. Senarai barang yang layak mendapat pelepasan daripada membayar CBP di bawah butiran ini adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

Tindakan Entiti Kebajikan Swasta Untuk OKU

12. Dua (2) bulan sebelum sesuatu perolehan dibuat, entiti kebajikan swasta untuk OKU hendaklah mengemukakan dokumen yang lengkap seperti berikut kepada JKM bagi tujuan pengesahan :

- a) Sijil CoGSTR seperti di Jadual Ketiga, Perintah CBP (Pelepasan) 2014 yang telah ditandatangani oleh ketua entiti kebajikan swasta untuk OKU atau orang yang diberi kuasa olehnya (sila rujuk **LAMPIRAN B**);
- b) Surat penurunan kuasa oleh ketua entiti kebajikan swasta untuk OKU sekiranya CoGSTR ditandatangani oleh orang yang diberi kuasa;
- c) Senarai barang (sila rujuk **LAMPIRAN D** dan **LAMPIRAN D1**); dan
- d) Salinan pesanan pembelian (purchase order).

13. Pelepasan di bawah Butiran 7, Jadual Pertama, Perintah CBP (Pelepasan) 2014 hanya diberikan ke atas barang-barang yang disenaraikan di ruangan tiga (3), perintah tersebut. Entiti kebajikan swasta untuk OKU hendaklah memastikan barang-barang yang diperolehi seperti di bawah Butiran 7, Perintah tersebut dipatuhi.

14. Selain daripada barang-barang yang disenaraikan di **LAMPIRAN A**, kelulusan daripada Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) hendaklah diperolehi terlebih dahulu sebelum perolehan dibuat. Sebarang permohonan untuk mendapatkan kelulusan daripada MOF hendaklah disertakan dengan surat sokongan daripada JKM.

15. Bagi barang yang diperolehi dalam negara, entiti kebajikan swasta untuk OKU hendaklah mengemukakan dokumen berikut kepada pembekal;

- a) Sijil CoGSTR seperti di Jadual Ketiga, Perintah CBP (Pelepasan) 2014 yang telah ditandatangani oleh entiti kebajikan swasta untuk OKU dan telah disahkan oleh JKM (sila rujuk **LAMPIRAN B1**); dan
- b) Senarai barang (sila rujuk **LAMPIRAN D**).

16. Bagi barang yang diimport, CoGSTR dan senarai barangan yang lengkap dan lain-lain dokumen pengimportan seperti Bill of Lading (B/L), Packing List hendaklah disertakan bersama dengan Borang Kastam No. 1 / Borang Kastam No.9 atas nama Entiti Kebajikan Swasta untuk OKU semasa pengimportan.
17. Sebarang pengimportan oleh pihak ketiga bagi pihak Entiti Kebajikan Swasta untuk OKU adalah tidak layak untuk mendapat pelepasan CBP.
18. Entiti kebajikan swasta untuk OKU yang telah diberi pelepasan CBP:
- a) Hendaklah menyimpan rekod atau akaun barang yang diimport atau dibeli bagi tujuan pemeriksaan / pengauditan pegawai kanan CBP;
 - b) Rekod ahli dan pembelian setiap ahli hendaklah dikemaskini dari semasa ke semasa;
 - c) Rekod hendaklah disimpan selama 7 tahun; dan
 - d) Tidak boleh melupuskan, menjual, memindahkan dalam negara atau tidak mengakaunkan, dengan syarat CBP telah dibayar ke atas barang yang diberikan pelepasan melainkan kepada ahli-ahli entiti kebajikan swasta yang berkenaan dan ahli-ahli yang berdaftar di bawah Akta Orang Kurang Upaya 2008

Tindakan Pembekal

19. Pihak pembekal yang membekalkan barang bercukai seperti di **LAMPIRAN A** kepada entiti kebajikan swasta untuk OKU di bawah Butiran 7, Jadual Pertama, Perintah CBP (Pelepasan) 2014 tidak perlu mengenakan dan memungut CBP ke atas pembekalan tersebut. Walau bagaimanapun, pembekal tersebut bertanggungjawab untuk mengeluarkan invois cukai ke atas pembekalan tersebut dengan membuat catatan seperti berikut:

*“Dilepaskan daripada mengenakan CBP bagi pembekalan kepada orang yang diberi pelepasan di bawah Butiran 7, Jadual Pertama, Perintah CBP (Pelepasan) 2014”. (sila rujuk **LAMPIRAN C**).*

20. Pihak pembekal hendaklah:

- a) memastikan CoGSTR dan senarai barangan yang lengkap dikemukakan oleh entiti kebajikan swasta untuk OKU adalah asal dan lengkap sebelum invois cukai dikeluarkan.
- b) memastikan barang yang dibekalkan adalah barang yang disenaraikan di bawah Butiran 7, Jadual Pertama, Perintah CBP (Pelepasan) 2014.
- c) mengikrar jumlah nilai pembekalan diberi pelepasan CBP di Butiran 13, Bahagian C, Borang GST-03.
- d) menyimpan rekod selama 7 tahun bagi tujuan pengauditan pegawai kanan CBP.

21. Mana-mana perolehan yang tidak disertakan dengan CoGSTR yang lengkap diisi seperti yang dinyatakan di atas tidak layak mendapat pelepasan daripada membayar CBP dan pembekal akan mengenakan CBP terhadap entiti kebajikan swasta untuk OKU. Pembekal adalah bertanggungjawab untuk mengenakan dan mengakaunkan CBP selaras dengan peruntukan seksyen 41 Akta CBP 2014.

Tindakan Jabatan Kebajikan Masyarakat

22. JKM hendaklah:

- a) Memastikan bahawa sijil CoGSTR yang ditandatangani oleh orang yang dinyatakan di dalam ruang (5), Jadual Pertama, Perintah CBP (Pelepasan) 2014. Surat penurunan kuasa perlu dikemukakan sekiranya CoGSTR ditandatangani oleh orang yang diberi kuasa.
- b) Mengesahkan sijil CoGSTR yang dikemukakan oleh entiti kebajikan swasta untuk OKU (sila rujuk **LAMPIRAN B1**).
- c) Memastikan barang yang hendak diberi pelepasan kepada entiti kebajikan swasta untuk OKU adalah seperti di Butiran 7 Perintah CBP (Pelepasan) 2014. (sila rujuk **LAMPIRAN A**)
- d) memantau rekod entiti kebajikan swasta untuk OKU yang berdaftar dan mendapat pelepasan dibawah Butiran 7, Jadual Pertama, Perintah CBP (Pelepasan) 2014.

23. Pihak JKM boleh mempertimbangkan permohonan pelepasan daripada membayar CBP ke atas perolehan barang oleh entiti kebajikan swasta untuk OKU ke atas barang selain daripada yang disenaraikan di bawah Butiran 7, Perintah CBP (Pelepasan) 2014 (sila rujuk **LAMPIRAN A**) sekiranya munasabah.

24. Surat sokongan hendaklah dikeluarkan oleh JKM dan dilampirkan bersama permohonan yang dibuat oleh entiti kebajikan swasta untuk OKU kepada MOF bagi pertimbangan dan kelulusan Menteri Kewangan.

KESIMPULAN

25. Diharapkan panduan ini dapat membantu entiti kebajikan swasta untuk OKU bagi mendapatkan pelepasan CBP atas perolehan barang; dan juga membantu pihak pembekal tidak mengenakan dan memungut CBP bagi ke atas pembekalan barang kepada entiti kebajikan swasta untuk OKU di bawah Butiran 7, Jadual Pertama, Perintah CBP (Pelepasan) 2014.

26. Sebarang pertanyaan berkenaan panduan ini sila hubungi :

Sektor I
Bahagian GST
Jabatan Kastam Diraja Malaysia
Aras 3 – 7, Blok A, Menara Tulus,
No. 22, Persiaran Perdana, Presint 3,
62100 Putrajaya.

E-mel : gstsector1@customs.gov.my.

LAMPIRAN A**SENARAI BARANG YANG LAYAK DIBERIKAN PELEPASAN DARIPADA MEMBAYAR CBP DI BAWAH BUTIRAN 7, JADUAL PERTAMA, PERINTAH CBP (PELEPASAN) 2014**

No	ITEM
1	Artificial limbs
2	Wheelchair
3	Electrically / mechanically adjustable bed designed for handicapped
4	Braille embossers
5	Pick-up sticks
6	Text telephone for the dumb
7	Whistling cup for blind people
8	White canes for blind people
9	Specialize footwear
10	Hearing aid
11	Low vision aid

LAMPIRAN B

JADUAL KETIGA / THIRD SCHEDULE

BAHAGIAN 1 /PART 1

**AKTA CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN 2014
GOODS AND SERVICES TAX ACT 2014**

**SIJIL DI BAWAH PERINTAH CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (PELEPASAN) 2014
CERTIFICATE UNDER THE GOODS AND SERVICES TAX (RELIEF) ORDER 2014**

Saya dengan ini mengesahkan bahawa barang yang diperihalkan di atas adalah

I hereby certify that the goods described above are

*diperolehi daripada / dibekalkan kepada _____

** acquired from /supplied to* _____

(Nama dan alamat orang atau pertubuhan yang berkenaan dengan pelepasan yang dituntut)

(Name and address of the person or the establishment in respect of the relief claimed)

dan pelepasan daripada *pengenaan/pembayaran cukai barang dan perkhidmatan adalah dituntut di bawah Butiran _____

*and relief from *charging/payment of goods and services tax is claimed under Item* _____

Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pelepasan) 2014 tertakluk kepada syarat-syarat yang dinyatakan di dalamnya.

of the Goods and Services Tax (Relief) Order 2014 subject to the conditions therein specified.

Tandatangan
Signature _____

Nama
Name _____

No. Kad Pengenalan
Identity Card No. _____


Pangkat
Rank _____

Tarikh
Date _____

*Potong mana-mana yang tidak berkenaan

**Delete whichever is not applicable*

Cop rasmi Jabatan Kebajikan Masyarakat
Social Welfare Department Official Stamp



LAMPIRAN B1

JADUAL KETIGA / THIRD SCHEDULE

BAHAGIAN 1 /PART 1

**AKTA CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN 2014
GOODS AND SERVICES TAX ACT 2014**

**SIJIL DI BAWAH PERINTAH CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (PELEPASAN) 2014
CERTIFICATE UNDER THE GOODS AND SERVICES TAX (RELIEF) ORDER 2014**

Saya dengan ini mengesahkan bahawa barang yang diperihalkan di atas adalah

I hereby certify that the goods described above are

*diperolehi daripada / ~~dibekalkan kepada~~ **BEST HANDICAP SUPPLIES** _____

** acquired from /supplied to* _____

(Nama dan alamat orang atau pertubuhan yang berkenaan dengan pelepasan yang dituntut)

(Name and address of the person or the establishment in respect of the relief claimed)

dan pelepasan daripada *pengenaan/pembayaran cukai barang dan perkhidmatan adalah dituntut di bawah Butiran **7** _____

*and relief from *charging/payment of goods and services tax is claimed under Item* _____

Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pelepasan) 2014 tertakluk kepada syarat-syarat yang dinyatakan di dalamnya.

of the Goods and Services Tax (Relief) Order 2014 subject to the conditions therein specified.

Tandatangan _____
Signature

Nama _____
Name

No. Kad Pengenalan _____
Identity Card No.


Pangkat _____
Rank

Tarikh _____
Date

**Potong mana-mana yang tidak berkenaan*

**Delete whichever is not applicable*

Cop rasmi Jabatan Kebajikan Masyarakat
Social Welfare Department Official Stamp



LAMPIRAN C

Contoh Invois Cukai Bagi Pembekalan Yang Diberi Pelepasan

Perkataan "Invois Cukai"

INVOIS CUKAI

Nombor
Cukai Invois

No. Invois: 1111

BEST HANDICAP SUPPLIES (No. CBP:100001123456)

No.23, Jalan SS 6/3 Kelana Jaya, 47301 Selangor

Tel: 03-33545454

Nama &
Alamat
Pelanggan

PERSATUAN TONGKAT PUTIH MALAYSIA

No. 24, Puchong 3/9, 47150 Puchong,
Selangor

Nama, Alamat dan
No GST Pembekal

Tarikh : 25 Julai 2016

No N/P : S000345

Tarikh
Invois
Cukai

No. Siri	Perihal	Perihal Barangan	Kuantiti	Harga Seunit (RM)	Jumlah (RM)
1.	Tongkat Putih		15	50.00	450.00
2.	Cawan Berbunyi		20	100.00	2,000.00
3.	Mesin Taip Braille		1	2,500.00	2,500.00
Kuantiti Barangan Yang Dibekalkan			Total Sales		4,950.00
Klausa Pelepasan CBP			GST @ 6%		Nil
			(Dilepaskan daripada mengenakan CBP bagi pembekalan kepada orang yang diberi pelepasan dibawah Butiran 7, Jadual Pertama, Perintah CBP (Pelepasan) 2014)		
			Jumlah Amaun Kena Dibayar		4,950.00

Jumlah
Amaun Tidak
Termasuk
CBP

Kadar CBP

Jumlah CBP

Best Handicap Supplies

BEST HANDICAP SUPPLIES

Jumlah Amaun

LAMPIRAN D**SENARAI BARANG YANG DIPOHON OLEH ENTITI KEBAJIKAN SWASTA UNTUK OKU
BUTIRAN 7, JADUAL PERTAMA, PERINTAH CBP (PELEPASAN) 2014****NAMA ENTITI KEBAJIKAN SWASTA :** _____

BIL	PERALATAN	MODEL / JENAMA	KUANTITI	ANGGARAN KOS SEUNIT (RM)	CATATAN

Perakuan Pemohon:

Saya memperakukan barang yang dimohon di atas adalah barang yang akan diberi secara percuma atau dijual pada nilai nominal kepada ahli-ahli entiti kebajikan swasta yang berkenaan dan ahli-ahli yang berdaftar di bawah Akta Orang Kurang Upaya 2008.

Tandatangan:**Nama:****Jawatan:****Cop Entiti:**

LAMPIRAN D1

**SENARAI BARANG YANG DIPOHON OLEH ENTITI KEBAJIKAN SWASTA UNTUK OKU
BUTIRAN 7, JADUAL PERTAMA, PERINTAH CBP (PELEPASAN) 2014**

NAMA ENTITI KEBAJIKAN SWASTA : PERSATUAN TONGKAT PUTIH MALAYSIA

BIL	PERALATAN	MODEL / JENAMA	KUANTITI	ANGGARAN KOS SEUNIT (RM)	CATATAN
1	Tongkat Putih		15	50.00	
2	Cawan Berbunyi		20	100.00	
3	Mesin Taip Braille		1	2,500.00	

Perakuan Pemohon:

Saya memperakukan barang yang dimohon di atas adalah barang yang akan diberi secara percuma atau dijual pada nilai nominal kepada ahli-ahli entiti kebajikan swasta yang berkenaan dan ahli-ahli yang berdaftar di bawah Akta Orang Kurang Upaya 2008.

Tandatangan: *ahmad ozil*

Nama: Ahmad Ozil

Jawatan: Presiden

Cop:

